

24/04/2001

MB nafi Umno Pahang bergolak

KUANTAN, Isnin - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kelicinan pemilihan parti di semua bahagian, kecuali Kuantan membuktikan dakwaan sesetengah pihak kononnya Umno Pahang bergolak, tidak benar.

Beliau berkata, pemilihan berjalan lancar dan semua jawatan ketua bahagian dimenangi calon tanpa bertanding, manakala jawatan membabitkan pertandingan tidak menimbulkan masalah.

"Tiada ada apa yang berlaku dalam Umno Pahang... tidak ada gelorapun.

"Malah, sesetengahnya mengambil keputusan bijak dengan melepaskan jawatan yang disandang untuk memberi laluan kepada pihak lain manakala yang kalah menerima kekalahan dengan hati terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan seminar peluang perniagaan dan pelaburan dalam industri petroleum, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, beliau yang tidak menafikan ada calon menggunakan cara salah, termasuk politik wang untuk memancing undi.

"Jika sesiapa ada bukti, kemukakan bukti itu supaya tindakan boleh diambil. Saya sendiri menyokong penuh amaran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa aduan yang ada bukti akan dilaporkan terus kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR)," katanya.

(END)